

31 JAN 1999

Mahathir-Malu

MAHATHIR BERKATA BELIAU SEDIA MENGHADAPI SAMAN MALU ANWAR

Oleh: Yong Soo Heong

DAVOS, 31 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau bersedia menghadapi saman malu yang dikemukakan kepadanya oleh bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Jika ia di dalam lingkungan undang-undang untuk menyaman saya, dia boleh menyaman saya. Saya sudah sedia untuk menghadapi tindakan," katanya pada persidangan berita di sini pada Sabtu.

Dr Mahathir yang berada di sini menghadiri mesyuarat tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) berkata beliau juga bersedia menjadi saksi dalam kes mahkamah membabitkan Anwar "jika sebagai hak mereka (peguam-peguam) untuk menyoal saya."

Anwar telah memfailkan saman malu RM100 juta terhadap Dr Mahathir dan peguam-peguamnya memberitahu mahkamah mereka bercadang memanggil Perdana Menteri sebagai saksi pembela dalam perbicaraannya terhadap empat pertuduhan rasuah.

Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur semalam memerintahkan Anwar membela diri terhadap empat tuduhan itu selepas membuat keputusan pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap beliau. Pembelaan akan bermula pada 8 Feb.

Merujuk demonstrasi yang berlaku sebagai menunjukkan sokongan terhadap Anwar, Dr Mahathir berkata negara tidak boleh menerima demonstrasi sebagai cara untuk menghalang seseorang daripada didakwa di mahkamah jika dia dituduh telah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang.

Sambil menegaskan bahawa Malaysia mengamalkan pentadbiran mengikut peraturan undang-undang dan setiap orang mempunyai hak yang sama dari segi undang-undang, beliau berkata sesetengah orang bercakap mengenai kedaulatan undang-undang tetapi jelas "mereka tidak suka kedaulatan undang-undang apabila undang-undang digunakan terhadap orang mereka".

Katanya walaupun seseorang itu perdana menteri atau timbalan perdana menteri yang melakukan sesuatu menyalahi undang-undang, undang-undang harus juga digunakan terhadap orang berkenaan.

Merujuk kepada dakwaan bahawa Malaysia tidak demokratik, Dr Mahathir berkata, "Mengenai demokrasi, kami mengadakan pilihan raya secara tetap. Kerajaan yang ada adalah kerajaan yang dipilih.

"Apa yang berlaku sekarang ialah terdapat cubaan untuk menggunakan cara tidak demokratik seperti demonstrasi di jalanan untuk mengguling kerajaan yang dipilih".

Dengan jelas merujuk kepada kenyataan naib presiden Amerika Syarikat Al Gore pada jamuan malam Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC) di Kuala Lumpur November lepas, Perdana Menteri berkata "Saya tidak faham bagaimana ahli Demokrat boleh datang ke negara kita dan mendesak rakyat untuk berdemonstrasi di jalanan dan menggulingkan kerajaan yang dipilih.

"Saya tidak tahulah sama ada itu yang dikatakan demokratik atau pilihan raya yang dijalankan secara betul adalah demokratik."

Dr Mahathir ketika ditanya mengapa kerajaan berwaspada dengan demonstrasi berkata keganasan di jalanan yang berulang kali berlaku di sebuah negara jiran Asia Tenggara sudah menjatuhkan kerajaan.

"Malangnya di Malaysia, sesetengah orang beranggapan bahawa jika mereka boleh mengadakan demonstrasi yang serupa, mereka boleh menggulingkan kerajaan. Ia (demonstrasi) bukan sebagai ruang untuk menyatakan pendapat kerana mereka boleh menyuarakan pendapat mereka di mana-mana sahaja."

Dr Mahathir berkata selepas Anwar dipecat daripada jawatannya, beliau

pergi ke seluruh negara dan berucap kepada ribuan orang.

"Untuk mengatakan bahawa rakyat Malaysia tidak boleh bercakap dan menyuarakan pendapat mereka adalah karut semata-mata," katanya.

-- BERNAMA

SHY LAT RON